A

TAN SRI DATO SERI DR M MAHADEVAN A MAHALINGAM lwn. KERAJAAN MALAYSIA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
ABU BAKAR KATAR PK
[GUAMAN SIVIL NO: 21NCVC-8-05-2013]
B 3 MAC 2015

ANGKATAN TENTERA: *Kecuaian – Kerosakan – Tanah plaintif digunakan sebagai zon penampan – Aktiviti menembak di tanah bersebelahan – Sama ada Kerajaan Malaysia boleh dinamakan secara sendirian dalam tindakan – Sama ada*
C *plaintif seharusnya menamakan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab atas perlakuan tort berkenaan – Sama ada pihak tentera masih mengadakan latihan menembak selepas tanah plaintif dipulang balik – Sama ada tanah plaintif digunakan untuk manuver tentera – Sama ada plaintif mengalami kerugian dan kerosakan – Sama ada tuntutan dibuktikan – Akta Manuver Tentera 1983, s. 7(3)*

D ***TORT:*** *Pencerobohan atas tanah – Tanah plaintif digunakan sebagai zon penampan – Aktiviti menembak di tanah bersebelahan – Sama ada terdapat bukti bahawa pengkhidmat defendan telah memasuki dan mencerobohi tanah plaintif – Sama ada defendan bertanggungjawab di bawah Akta Manuver Tentera 1983 untuk mengeluarkan sijil penyelesaian pembersihan lapang sasar kepada plaintif –*
E *Terra Damansara Sdn Bhd v. Nandex Development*

TORT: *Kacau ganggu – Tanah plaintif digunakan sebagai zon penampan – Aktiviti menembak di tanah bersebelahan – Sama ada pihak tentera masih mengadakan latihan menembak selepas tanah plaintif dipulang balik – Sama ada tanah plaintif digunakan untuk manuver tentera – Sama ada langkah-langkah*
F *keselamatan diambil untuk menghalang peluru-peluru memasuki tanah plaintif – Sama ada depot simpanan peluru menyebabkan kacau ganggu atas tanah plaintif – Sama ada plaintif mengalami kerugian*

TORT: *Kemungkiran kewajipan statutori – Tanggungjawab untuk memperbaiki dan memulihkan tanah – Tanah plaintif digunakan sebagai zon penampan –*
G *Aktiviti menembak di tanah bersebelahan – Sama ada defendan mempunyai tugas statutori di bawah s. 7(3) Akta Manuver Tentera 1983 untuk membaiki dan memulihkan sehampir yang mungkin tanah plaintif – Sama ada s. 7(3) hanya terpakai untuk kawasan manuver dan bukannya untuk kawasan menembak*

H ***TORT:*** *Kecuaian – Kerosakan – Tanah plaintif digunakan sebagai zon penampan – Aktiviti menembak di tanah bersebelahan – Sama ada aktiviti-aktiviti defendan menyebabkan kerugian dan kerosakan kepada plaintif – Sama ada dibuktikan*

HAD MASA: *Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 – Sama ada tindakan dihalang oleh had masa – Sama ada plaintif perlu memfailkan tindakan*
I *dalam tempoh 36 bulan daripada kausa tindakan bermula – Sama ada defendan telah melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang – Sama ada s. 2(a) terpakai*

PERKATAAN DAN ISTILAH: *"manuver tentera" – Makna – Akta Manuver Tentera 1983, s. 2 – Sama ada latihan menembak boleh ditafsirkan sebagai aktiviti manuver tentera*

PROSEDUR SIVIL: *Pihak-pihak – Kerajaan, tindakan terhadap – Tindakan berasaskan tort – Sama ada plaintif menamakan Kerajaan Malaysia secara sendirian – Sama ada Kerajaan boleh dikaitkan sebagai pelaku tort utama – Sama ada tindakan melibatkan pelaksanaan kuasa pentadbiran – Sama ada plaintif seharusnya menamakan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab atas perlakuan tort berkenaan – Akta Prosiding Kerajaan 1956, ss. 4, 5 & 6 – Sama ada dipatuhi – Sama ada kegagalan menamakan agen atau pelaku tort membawa padah kepada tuntutan plaintif*

Plaintif adalah pemilik berdaftar Lot No. 3 Geran Mukim No. 1642. Pada 12 Januari 1961, sebahagian Lot No. 3, sebahagian daripada tanah milikan defendan dan sebahagian daripada Lot 1535 telah diwartakan sebagai kawasan lapang sasar di bawah Ordinan Manuver Tentera (Pelanjutan) 1947 melalui Warta Kerajaan LN 11 dan 12 bertarikh 12 Januari 1961. Sebahagian besar Lot No. 3 telah diwartakan sebagai Lapang Sasar Baghdad dan pada masa itu, tanah tersebut telah digunakan sebagai zon penampan bagi latihan menembak yang dilakukan di sebahagian daripada tanah defendan ('tanah bersebelahan'). Berdasarkan fakta, kawasan lapang sasar tersebut telah digunakan oleh anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia bagi tujuan latihan menembak dengan menggunakan senjata kecil. Warta Kerajaan LN 11 dan 12 telah dibatalkan melalui pemberitahuan Warta PU(B) 622 bertarikh 4 Disember 1986 dan berkuatkuasa mulai 24 November 1986. Berikutan itu, tanah plaintif tidak lagi digunakan sebagai zon penampan dan telah dipulangkan kepada plaintif tetapi tanah Kerajaan masih digunakan untuk latihan menembak sejak tahun 1987 sehingga November 2004. Pada tahun 1986, plaintif telah membuat tuntutan terhadap defendan bagi pampasan di bawah s. 10 Akta Manuver Tentera 1983 ('Akta') dan menurut perintah Mahkamah Agung bertarikh 24 Julai 1986, defendan telah membayar wang pampasan sebanyak RM4,017,571.02 kepada plaintif bagi penggunaan tanah plaintif sepanjang tempoh pewartaan tanahnya. Dalam tindakan ini, plaintif telah memfailkan tuntutan terhadap defendan pada 18 Mei 2013 atas alasan bahawa telah berlakunya pencerobohan, kacau ganggu, pecah tugas statutori dan kecuaian di atas tanah plaintif selepas pembatalan Warta Kerajaan. Antara isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah (i) sama ada plaintif telah membawa tindakan terhadap pihak yang salah; (ii) sama ada keseluruhan tanah plaintif telah diwartakan sebagai sebuah padang menembak menerusi Warta Kerajaan LN 11 dan 12 bersama dengan tanah Kerajaan yang bersebelahan; (iii) sama ada selepas pembatalan warta tersebut, defendan masih melakukan aktiviti menembak di tanah bersebelahan dan masih menempatkan amunisi di atas tanah yang

diperolehi bersebelahan dengan tanah plaintif; (iv) sama ada latihan menembak yang dijalankan oleh defendan boleh ditafsirkan sebagai aktiviti-aktiviti manuver di bawah Akta; (v) sama ada menurut s. 7(3) Akta, defendan mempunyai kewajipan untuk mengalihkan kesemua kerja-kerja tentera, saki baki bahan letupan terbenam dan struktur tanah dan memulihkan tanah plaintif sehampir yang mungkin kepada keadaan yang sama sebagaimana keadaannya sebelum bermulanya manuver-manuver tentera; (vi) sama ada tindakan plaintif dihalang oleh had masa menurut s. 11 Akta dan s. 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 ('PAPA'); dan (vii) sama ada jumlah pampasan RM4,017,571.02 yang selesai dibayar pada 15 Februari 1988 merupakan penyelesaian penuh dan muktamad di bawah s. 10(3) Akta. Plaintif berhujah, antara lain, bahawa (a) tindakan Peguam Kanan Persekutuan ('PKP') membangkitkan isu undang-undang berkenaan pemfailan tindakan ke atas pihak yang salah semasa di peringkat penghujahan disifatkan sebagai "trial by ambush"; (b) plaintif telah mengalami kerugian dan kehilangan akibat kacau ganggu di mana beliau tidak dapat menjual tanahnya kepada Tenaga Nasional Berhad ('TNB') dan sebuah syarikat German apabila kedua-dua syarikat ini bercadang untuk membeli tanah plaintif tetapi gagal berbuat demikian disebabkan aktiviti-aktiviti defendan; (c) Kerajaan Malaysia telah dinamakan sebagai defendan secara bersendirian bagi tuntutan pampasan di bawah s. 10 Akta itu; dan (d) tanggungjawab membayar pampasan untuk kerosakan semasa aktiviti manuver tentera menjadi tanggungan Kerajaan dan bukannya individu.

Diputuskan (menolak tuntutan plaintif dengan kos):

(1) Plaintif, yang bergantung kepada kausa tindakan tort, perlu menamakan pegawai-pegawai yang terlibat sebelum Kerajaan Malaysia selaku defendan bertanggungan dalam tuntutan plaintif kelak. Tindakan plaintif mendapatkan pampasan di bawah s. 10(3) Akta berbeza dengan tindakan di sini. Tambahan lagi, tuntutan plaintif melibatkan pampasan bagi kerosakan setelah manuver tentera tamat dan bukannya berkaitan dengan perbuatan tort. Tiada keperluan untuk menamakan pegawai-pegawai yang terlibat bagi tindakan tersebut. Oleh itu, plaintif telah gagal mematuhi peruntukan ss. 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 ('APK'), iaitu, tidak menamakan pengkhidmat kerajaan atau agen yang melakukan pencerobohan, kacau ganggu, pecah tugas statutori dan kecuaian sebelum defendan selaku Kerajaan Malaysia bertanggungan. (perenggan 27, 28, 29 & 115)

(2) Peruntukan s. 4 APK menyatakan tindakan yang boleh diambil terus terhadap Kerajaan melainkan tuntutan di bawah tort. Kerajaan Malaysia hanya akan bertanggungan sekiranya sesuatu tindakan pentadbiran/ "executive action" dilakukan atas arahan Yang di-Pertuan Agong atau Menteri Kabinet. Dalam kes ini, tindakan tort bukanlah tindakan

pelaksanaan kuasa pentadbiran atau perjanjian yang melibatkan Kerajaan Malaysia. Ketua Turus Angkatan Tentera merupakan agen kepada Kerajaan Malaysia di bawah peruntukan undang-undang. Tindakannya bukanlah suatu tindakan pentadbiran yang dilakukan atas arahan Yang di-Pertuan Agung yang membolehkan jaringan s. 15 APK terpakai. (perenggan 30, 31, 34 & 35)

(3) Melalui pernyataan pembelaannya, defendan telahpun dari awal lagi memberi bayangan kepada plaintif berkaitan pematuhan ss. 5 dan 6 APK tetapi plaintif tidak mengambil apa-apa tindakan untuk meminda writ dan penyata tuntutannya. Oleh itu, tindakan PKP tidak boleh dianggap sebagai "ambush trial". Kegagalan plaintif untuk mematuhi peruntukan ss. 5 dan 6 telah membawa padah kepada tuntutannya. Kerajaan Malaysia tidak akan bertanggungan tanpa pegawai-pegawai Kerajaan dinamakan sebagai pelaku tortnya. (perenggan 37 & 38)

(4) Semasa tanah plaintif diwartakan sebagai Lapang Sasar Baghdad, ianya tidak pernah digunakan untuk latihan menembak atau tujuan lain. Tanah plaintif hanya digunakan sebagai zon penampan bagi tujuan aktiviti menembak yang dijalankan di tanah Kerajaan yang mengandungi lapang sasar dan langsung tidak digunakan untuk manuver-manuver tentera. Latihan menembak yang dijalankan tidak termasuk dalam tafsiran "manuver tentera". Tambahan, template lapang sasar adalah berbeza sekiranya manuver tentera seperti "hand grenade" dan "mortar firing" digunakan. Tanah plaintif telahpun dipulangkan kepadanya selepas pembatalan warta Lapang Sasar Baghdad. Defendan juga telah mengambil langkah-langkah keselamatan untuk menghalang peluru-peluru memasuki terutamanya ke tanah plaintif. (perenggan 43, 47, 54, 55 & 60)

(5) Depot simpanan peluru sebagai kawasan amunisi tidak berada di tanah bersebelahan tetapi berada agak jauh dari lapang sasar dan tanah plaintif dan tidak membawa bahaya kepada tanah plaintif. Lapang sasar telahpun diwartakan sebagai kawasan tembak dan bukannya kawasan manuver. Perisytiharan ini dibuat selaras dengan peruntukan s. 3 Akta. Mengikut tafsiran s. 2 Akta, terdapat perbezaan di antara kawasan tembak dan kawasan manuver. Defendan tidak mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk mengalihkan kerja-kerja tentera, saki baki bahan-bahan letupan terbenam dan struktur tanah plaintif kerana ianya tidak wujud di atas tanah plaintif. Tambahan, peruntukan s. 7 Akta terpakai untuk kawasan manuver yang perlu diwartakan terlebih dahulu. Dengan itu, s. 7(3) Akta tidak terpakai untuk kawasan menembak dan defendan tidak mempunyai tugas statutori di bawah peruntukan tersebut. (perenggan 57 & 61-64)

(6) Berkenaan dengan tuntutan plaintif bagi pencerobohan tanah, plaintif telah gagal membuktikan elemen-elemen yang digariskan dalam *Terra Damansara Sdn Bhd v. Nandex Development*. Defendan tidak bertanggungjawab di bawah Akta untuk mengeluarkan Sijil Penyelesaian Pembersihan Lapang Sasar kepada plaintif. Sijil tersebut digunakan untuk pentadbiran kem bagi memastikan kawasan tembak berada dalam keadaan bersih. (perenggan 69, 73 & 74)

(7) Plaintif gagal untuk memanggil saksi pihak TNB atau syarikat German bagi membuktikan kononnya bahawa terdapat cadangan untuk membeli tanah plaintif. Tambahan, sepanjang depot simpanan peluru berada di tanah bersebelahan, tidak pernah berlaku kejadian letupan atau perkara lain yang tidak diingini. Dengan itu, plaintif telah gagal membuktikan bahawa beliau telah mengalami kerugian atas tanahnya disebabkan kacau ganggu yang kononnya dilakukan oleh defendan. Plaintif juga telah gagal membuktikan bahawa defendan telah cuai dan telah mengalami kerugian atau kerosakan (*Wong See Kui v. Hong Hin Tin Mining Co*; diikuti). (perenggan 88-90 & 98)

(8) Peruntukan s. 11 Akta tiada kaitan dengan tuntutan plaintif atau kausa tindakan yang berlainan dengan peruntukan s. 10(3) Akta. Wang pampasan yang dibayar oleh defendan berjumlah RM4,017,571.02 adalah berkaitan dengan pampasan di bawah s. 10(3) dan berikutan pewartaan LN 11 dan 12. Plaintif tidak dihalang daripada memfailkan tindakan ini sekiranya keperluan ss. 4 dan 5 APK dipatuhi. (perenggan 104)

(9) Tindakan plaintif atas kecuaian dan pecah tugas di bawah s. 7(3) Akta itu, sekiranya ada, bermula pada 24 November 1986. Plaintif perlu memfailkan writ dan penyata tuntutan dalam tempoh 36 bulan daripada kausa tindakan bermula. Plaintif telah memfailkan tindakan atas kausa pecah tugas di bawah s. 7(3) dan kecuaian melebihi tempoh 36 bulan dan ianya dihalang di bawah s. 2(a) PAPA. Tambahan, tindakan defendan yang menjalankan latihan menembak di tanah bersebelahan tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang. (perenggan 110 & 111)

Kes-kes yang dirujuk:

Ban Guan Hin Realty Sdn Bhd v. Sunny Yap Chiok Sai & Ors [1987] 1 LNS 144 HC ***(dirujuk)***

Barker v. The Queen [1983] 153 CLR 338 ***(dirujuk)***

Bato Bagi & Ors v. Kerajaan Negeri Sarawak & Another Appeal [2011] 8 CLJ 766 FC ***(dirujuk)***

Haji Abdul Rahman v. Government of Malaysia & Anor [1966] 1 LNS 60 HC ***(dirujuk)***

Holmes v. Wilson [1839] 10 A & E 503 ***(dirujuk)***

Hu Sepang v. Keong On Eng & Ors [1991] 2 CLJ 999; [1991] 2 CLJ (Rep) 739 ***(dirujuk)***

Kerajaan Negeri Selangor & Ors v. Sagong Tasi & Ors [2005] 4 CLJ 169 CA ***(dirujuk)***

Lay Kee Tee & Yang Lain lwn. Kerajaan Malaysia & Yang Lain [2004] 8 CLJ 382 HC ***(dirujuk)***

Lee Hock Ning v. Government of Malaysia [1972] 1 LNS 66 FC ***(dirujuk)***
Maslinda Ishak v. Mohd Tahir Osman & Ors [2009] 6 CLJ 653 CA ***(dirujuk)***
Md Hamid Merican Abdul Kader Merican v. Abdul Razak Hussain & Ors [2010] 1 LNS 487 HC ***(dirujuk)***
Ngo Ong Chung & Ors v. Pengarah Tanah Dan Galian Perak Darul Ridzuan [2013] 1 LNS 146 HC ***(dirujuk)***
Ong Koh Hou v. Perbadanan Bandar & Anor [2009] 1 LNS 512 HC ***(dirujuk)***
Projek Lebuh Raya Utara-Selatan Sdn Bhd v. Kim Seng Enterprise (Kedah) Sdn Bhd [2013] 6 CLJ 958 CA ***(dirujuk)***
PP v. Hoo Chee Keong [1997] 2 CLJ Supp 357 HC ***(dirujuk)***
Selvaraju Ponniah v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor [2007] 6 CLJ 245 FC ***(dirujuk)***
Setia Harian Sdn Bhd v. Sea Eagle Maritime Sdn Bhd & Ors [2011] 1 CLJ 116 HC ***(dirujuk)***
Steven Phoa Cheng Loon & Ors v. Highland Properties Sdn Bhd & Ors [2000] 4 CLJ 508 HC ***(dirujuk)***
Tan Wee Choon v. Ong Peck Seng & Anor [1985] 1 CLJ 478; [1985] CLJ (Rep) 798 HC ***(dirujuk)***
Tenaga Nasional Bhd v. Irham Niaga Sdn Bhd & Anor [2011] 1 CLJ 491 CA ***(dirujuk)***
Terra Damansara Sdn Bhd v. Nandex Development [2006] 8 CLJ 657 HC ***(diikuti)***
Wong See Kui v. Hong Hin Tin Mining Co [1969] 1 LNS 202 HC ***(diikuti)***
X and Other (minors) v. Bedfordshire County Council, M (a minor) and another v. Newham London Borough Council and others, E (a minor) v. Dorset County Council and Other Appeals [1995] 3 All ER 353 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Military Manoeuvres Act 1983, ss. 2, 7(1), (3), 10
Public Authorities Protection Act 1948, s. 2(a)
Government Proceedings 1956, ss. 4, 5, 6, 15
Evidence Act 1950, s. 106

Sumber-sumber yang dirujuk:
Clark & Lindsell on Torts, 18th edn, London, Sweet & Maxwell, 2000, ms 979

Bagi pihak plaintif - Sakthy Vell Saminathan (Wong Hin Loong bersamanya); T/n Azman Davidson & Co
Bagi pihak defendan - Noor Hisham Ismail (Shaiful Nizam Shahrin bersamanya); Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

[1] Plaintif adalah pemilik berdaftar Lot No. 3 Geran No. 1642, Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah sejak 10 November 1980 berukuran 109E 1R 17P ekar tanah pertanian.

[2] Pada 12 Januari 1961 sebahagian daripada Lot No. 3 Geran 1642, Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah yang berdaftar di atas nama Sungai Tukang Rubber Company Bhd, sebahagian daripada tanah milik defendan yang dipegang di bawah Lot 2029, Geran 63008 Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah dan sebahagian daripada Lot 1535 telah diwartakan sebagai kawasan lapang sasar di bawah Military Manoeuvres (Extension) Ordinance 1947 ("Ordinan itu") melalui Warta Kerajaan LN 11 dan 12 bertarikh 12 Januari 1961 ("kawasan lapang sasar").

[3] Tujuan pewartaan sebahagian Lot No. 3 Geran No. 1642, Mukim Sungai Petani, Daerah Kualan Muda, Kedah ("tanah plaintif") yang berdaftar di atas nama Sungai Tukang Rubber Company Bhd untuk digunakan sebagai zon penampan bagi latihan menembak yang dilakukan disebahagian daripada tanah defendan yang dipegang di bawah Lot 2029, Geran No. 63008, Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah ("tanah bersebelahan").

[4] Kawasan lapang sasar tersebut telah digunakan oleh anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia ('ATM') bagi tujuan latihan menembak dengan hanya menggunakan senjata kecil Rifle Colt M16, Styer AUG, Pistol 7.62 mm LMG dan MGKA dan tidak digunakan untuk sebarang manuver tentera.

[5] Kawasan lapang sasar tersebut telah digunakan oleh anggota ATM sehingga Warta Kerajaan LN 11 dan 12 bertarikh 12 Januari 1961 dibatalkan melalui pemberitahuan Warta PU(B) 622 bertarikh 4 Disember 1986 dan berkuatkuasa mulai 24 November 1986.

[6] Selepas Warta Kerajaan LN 11 dan 12 bertarikh 12 Januari 1961 dibatalkan, tanah plaintif yang digunakan sebagai zon penampan, yang telah didaftarkan di atas nama plaintif mulai 10 November 1986 telah dikembalikan kepada plaintif.

[7] Notis pembatalan penggunaan kawasan lapang sasar tersebut sebagai kawasan menembak telah diberikan kepada peguamcara plaintif terdahulu iaitu Tetuan Thurai & Mariany menerusi surat bertarikh 16 Disember 1986.

[8] Selepas pembatalan Warta Kerajaan LN 11 dan 12 bertarikh 12 Januari 1961, tanah plaintif dan sebahagian daripada Lot 135 tidak lagi digunakan sebagai zon penampan dan telah dipulangkan kepada plaintif. Walau bagaimanapun, tanah kerajaan masih lagi digunakan untuk latihan menembak sejak dari tahun 1987 sehingga November 2004.

[9] Plaintif telah membuat tuntutan terhadap defendan bagi pampasan di bawah s. 10 Akta Manuver Tentera 1983 ('Akta itu'). Menurut Perintah Mahkamah Agung bertarikh 24 Julai 1986, defendan telah membayar dan plaintif telah menerima pampasan untuk tempoh 10 Februari 1982 hingga 24 November 1986 berjumlah RM4,017,571.02. Jumlah ini telah dibayar sepenuhnya oleh defendan.

[10] Defendan dikatakan telah melakukan pencerobohan, kacau ganggu, pecah tugas statutori dan kecuaian atas tanah plaintif selepas pembatalan Warta Kerajaan. Plaintif akhirnya telah memfailkan writ dan penyata tuntutan (Ikatan Pliding "A" - ms (1)-(23)) terhadap defendan bagi menuntut remedi yang berikut:

(a) Satu perintah supaya defendan melaksanakan obligasinya di bawah seksyen 7(3) Akta Manuver Tentera 1983 untuk membaiki dan memulihkan tanah plaintif sehampir yang mungkin ke keadaan yang sama sebagaimana keadaannya sebelum bermulanya manuver-manuver tentera;

(b) Gantirugi bagi kerugian-kerugian yang dikemukakan di perenggan 22 di atas untuk ditaksirkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini;

(c) Gantirugi-gantirugi teladan dan/atau keterlaluan;

(d) Faedah pada kadar dan ke atas jumlah-jumlah bagi tempoh sehingga penghakiman sebagaimana Mahkamah yang Mulia ini anggap sesuai dan faedah ke atas jumlah penghakiman pada kadar 5% setahun daripada penghakiman sehingga penyelesaian;

(e) Kos; dan

(f) Relif selanjutnya atau lain-lain relif sebagaimana Mahkamah yang Mulia ini anggap sesuai.

[11] Sebagaimana lazimnya, pihak defendan yang diwakili oleh Peguam Kanan Persekutuan ("PKP") yang terpelajar telah mempertikaikan tuntutan plaintif dan memfailkan penyata pembelaannya (Ikatan Pliding "A" – ms. (24)-(37)).

[12] Sebelum perbicaraan bermula, pihak-pihak bersetuju agar perbicaraan diteruskan bagi menentukan tanggungan defendan terlebih dahulu. Sekiranya defendan bertanggungan, taksiran ganti rugi akan ditetapkan kemudiannya.

[13] Perbicaraan penuh telah diadakan dan pada 29 September 2014 mahkamah ini telah menolak tuntutan plaintif dengan kos sebanyak RM20,000. Plaintif yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia. Rayuan ini telah didaftarkan sebagai Mahkamah Rayuan Rayuan Sivil No: K-01(NCVC)(W)-421-10/2014.

[14] Mahkamah ini telah meneliti penghujahan bertulis yang difailkan oleh pihak-pihak. Mahkamah ini berpendapat bagi maksud menyediakan alasan penghakiman, isu-isu dibahagikan kepada Bahagian I dan Bahagian II.

[15] Bagi maksud Bahagian I, Mahkamah ini akan menimbangkan isu pokok iaitu sama ada plaintif telah membawa tindakan terhadap pihak yang salah.

[16] Bagi maksud Bahagian II, Mahkamah ini merujuk penghujahan PKP yang terpelajar dan menerimapakai isu-isu yang dibicarakan sebagaimana yang berikut:

(1) Sama ada keseluruhan Lot No. 3 Geran No. 1642, Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah (tanah plaintif) telah diwartakan sebagai sebuah padang menembak di bawah Ordinan Manuver Tentera (Pelanjutan) 1947 menerusi Warta Kerajaan LN 11 dan 12 bertarikh 12 Januari 1961 bersama dengan tanah Kerajaan bersebelahan yang terdiri daripada 179.515 ekar tanah (tanah bersebelahan);

(2) Sama ada latihan menembak yang dijalankan oleh defendan boleh ditafsirkan sebagai aktiviti-aktiviti manuver di bawah Akta Manuver Tentera 1983 (Akta itu)?

(3) Sama ada defendan menjalankan aktiviti-aktiviti manuver-manuver tentera seperti yang ditafsirkan di bawah s. 2 Akta itu;

(4) Sama ada selepas pembatalan warta tersebut, defendan:

(a) masih melakukan aktiviti menembak di tanah bersebelahan.

(b) Masih terus menggunakan kedua-dua tanah bersebelahan dan tanah plaintif dari semasa ke semasa untuk menjalankan manuver-manuver tentera di atasnya; dan

(c) Masih menempatkan amunisi di atas tanah yang diperolehi bersebelahan tanah plaintif.

(5) Sekiranya perenggan 4(b) di atas dibuktikan oleh plaintif, sama ada menurut s. 7(3) Akta itu, defendan mempunyai kewajipannya:

(a) Untuk mengalihkan kesemua kerja-kerja tentera, saki-baki bahan-bahan letupan terbenam dan struktur tanah plaintif; dan

(b) Untuk mengalihkan segala kerosakan yang dilakukan di tanah plaintif dan untuk membaiki dan memulihkan sehampir yang mungkin keadaan yang sama sebagaimana keadaannya sebelum bermulanya manuver-manuver tentera?

(6) Sama ada aktiviti-aktiviti defendan yang didakwa dijalankan di atas tanah plaintif dan tanah bersebelahan yang dinyatakan dalam perenggan 4 dan 5 isu-isu, jika dibuktikan membentuk tindakan-tindakan pencerobohan, kacau ganggu, kemungkiran kewajipan statutori dan kecuaian di pihak defendan?

(7) Sekiranya di perenggan 6 dibuktikan, sama ada plaintif menanggung kerugian dan kerosakan akibat tindakan-tindakan pencerobohan, kacau ganggu, kemungkiran kewajipan statutori dan kecuaian defendan sebagaimana yang diplidkan di perenggan 22 dan butiran-butiran di dalam penyata tuntutan plaintif;

(8) Sama ada defendan telah memberhentikan latihan/aktiviti-aktiviti menembak dan aktiviti-aktiviti manuver di tanah bersebelahan selepas November 2004?

(9) Sama ada tindakan plaintif terhadap defendan dihalang oleh had masa menurut s. 11 Akta itu?

(10) Sama ada jumlah pampasan RM4,017,571.02 yang selesai dibayar pada 15 Februari 1988 merupakan penyelesaian penuh dan muktamad di bawah s. 10(3) Akta itu?

(11) Sama ada tindakan plaintif terhadap defendan dihalang oleh had masa menurut s. 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948?

(12) Sama ada kewujudan tanah bersebelahan sebagai kawasan lapang sasar selepas pembatalan warta tersebut boleh dipertikaikan dalam tindakan ini?

(13) Sama ada melalui warta PU(B) 622 bertarikh 4 Disember 1986 kawasan lapang sasar tersebut telah terhenti menjadi kawasan menembak dari 4 Disember 1986?

[17] Mahkamah ini berpendapat elok disentuh isu Bahagian I terlebih dahulu kerana ianya akan menentukan hala tuju atau nasib tuntutan plaintif yang membawa tindakan terhadap defendan iaitu "Kerajaan Malaysia" bagi "kausa tuntutan tindakan pencerobohan, kacau ganggu, kemungkiran kewajipan statutori dan kecuaian".

[18] PKP yang terpelajar dalam penghujahannya menarik perhatian mahkamah ini kepada isu undang-undang yang penting iaitu plaintif telah memfailkan tindakan ini secara salah apabila menamakan Kerajaan Malaysia secara sendirian atas kausa tindakan yang dinyatakan di atas. PKP yang terpelajar menghujahkan kausa tindakan yang berasaskan tort ianya berlandaskan kepada perbuatan atau peninggalan yang dilakukan oleh seseorang individu. Kerajaan Malaysia yang disaman tidak mempunyai kemampuan untuk melakukan tort yang diplidkan dalam penyata tuntutan plaintif. PKP yang terpelajar selanjutnya menghujahkan tanggungan (liabiliti) Kerajaan Malaysia dalam tort hanya berbentuk vikarius berdasarkan peruntukan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956. Plaintif seharusnya menamakan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab atas pelakuan tort berkenaan. Kegagalan plaintif untuk mematuhi peruntukan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 ianya tidak boleh mengaitkan Kerajaan Malaysia sebagai pelaku tort utama.

[19] PKP yang terpelajar telah bergantung kepada nas-nas duluan yang memutuskan pelaku tort atau agen kepada Kerajaan Malaysia perlu dinamakan dan dijadikan pihak-pihak dalam sesuatu tindakan selaras dengan peruntukan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956. Mahkamah ini

dirujukkan kes *Haji Abdul Rahman v. Government of Malaysia & Anor* [1966] 1 LNS 60; [1966] 2 MLJ 174; *Steven Phoa Cheng Loon & Ors v. Highland Properties Sdn Bhd & Ors* [2000] 4 CLJ 508; [2000] 4 MLJ 508; *Lay Kee Tee & Yang Lain lwn. Kerajaan Malaysia & Yang Lain* [2004] 8 CLJ 382 dan *Maslinda Ishak v. Mohd Tahir Osman & Ors* [2009] 6 CLJ 653 sebagai nas sandaran PKP yang terpelajar bagi menyokong penegasannya berkaitan kegagalan plaintif menamakan pelaku tort dalam writ dan penyata tuntutannya.

[20] Sebaliknya peguam plaintif yang terpelajar dalam hujahannya telah membangkitkan tindakan PKP yang hanya membangkitkan isu undang-undang semasa di peringkat penghujahan ianya disifatkan "trial by ambush". Peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan isu pihak plaintif memfailkan tindakan atas pihak yang salah bukannya termasuk dalam isu-isu yang dibicarakan yang ditandakan sebagai "A" dan "B". Peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan tindakan PKP yang terpelajar membangkitkan ketidakpatuhan peruntukan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 di peringkat penghujahan seharusnya dihalang. Beliau bersandarkan kes *Md Hamid Merican bin Abdul Kader Merican v. Abdul Razak bin Hussain & Ors* [2010] 1 LNS 487; [2010] 9 MLJ 1 di ms. 26 yang menyatakan:

> [86] The plaintiff in his submissions has raised various other issues such as estoppel, bad faith and quantum meruit. As pointed out by learned counsel for the defendants, all these issues were not pleaded and were raised for the first time during submissions. It was also not part of the list of issues to be tried as agreed between the parties. The authorities cited by learned counsel for the defendants would support his submission.
>
> [87] In the case of *Lee Ah Chor v. Southern Bank Bhd* [1991] 1 MLJ 428; [1991] 1 CLJ (Rep) 239, the Supreme Court emphasised the importance of pleadings in a civil suit. In his judgment, His Lordship Mohd Jemuri Serjan ASJ referred to the decision in *Janagi v. Ong Boon Kiat* [1971] 2 MLJ 196 where Sharma J held at p 197 as follows:
>
> > A judgment should be based upon the issues which arise in the suit and if such a judgment does not dispose of the questions as presented by the parties it renders itself liable not only to grave criticism but also to a miscarriage of justice. It becomes worse and is unsustainable if it goes outside the issues. Such a judgment cannot be said to be in accordance with the law and the rules of procedure.

[21] Peguam plaintif yang terpelajar selanjutnya merujuk kes *Kerajaan Negeri Selangor & Ors v. Sagong Tasi & Ors* [2005] 4 CLJ 169 di mana YA Gopal Sri Ram HMR menyatakan:

> The learned judge refused to award damages against the first and fourth defendants on the ground that the concerned officers who committed the wrongdoing were not named as defendants. This was as a result of an

> objection raised by the first defendant as a preliminary issue in a written submission put in after the close of the whole case. I must confess that I am utterly mystified as to how a party to a suit may raise a preliminary point at the end of the whole case. Though I eagerly waited for the learned State legal adviser to proffer an explanation for this procedural invention, hitherto unknown to the legal profession across the Commonwealth, none was forthcoming. If the suit was *ab initio* improperly constituted, that was a matter that ought to have been raised by the first defendant by way of a pre-trial written application specially made in that behalf.

[22] Peguam plaintif yang terpelajar selanjutnya menghujahkan plaintif melalui Saman Pemula No: A115 Tahun 1985 telah membuat tuntutan untuk pampasan di bawah s. 10 Akta itu. Tuntutan plaintif telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi dan ianya disahkan oleh Mahkamah Agung Supreme Court Civil Appeal No: 121 Tahun 1986 (ms. (69)-(70) Ikatan Dokumen Bersama "B"). Dalam tindakan tersebut Kerajaan Malaysia telah dinamakan sebagai defendan secara bersendirian.

[23] Selanjutnya dihujahkan defendan sejak tahun 1986 lagi tidak pernah membangkitkan isu ini dan ianya tidak boleh "to approbate and reprobate". Mahkamah ini ditarik perhatiannya kepada "principles of election" dalam kes *Tenaga Nasional Bhd v. Irham Niaga Sdn Bhd & Anor* [2011] 1 CLJ 491 dan *Bato Bagi & Ors v. Kerajaan Negeri Sarawak & Another Appeal* [2011] 8 CLJ 766.

[24] Peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan tanggungan vikarius di bawah s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 tidak terpakai dalam kes di hadapan mahkamah sekarang. Beliau merujuk s. 15 Akta Prosiding Kerajaan 1956 yang menjadikan Kerajaan bertanggungan dan menyamakan Crown di UK dengan Yang di-Pertuan Agong.

[25] Peguam plaintif pada akhirnya menghujahkan peruntukan s. 5 dan s. 6 tidak terpakai untuk tindakan tort di mana Kerajaan secara vikarius bertanggungan. Tanggungjawab membayar pampasan di common law untuk kerosakan semasa aktiviti manuver tentera dilakukan ekoran kuasa prerogatif ianya menjadi tanggungan Kerajaan dan bukannya individu. Peruntukan s. 15 Akta itu menyokong pendirian peguam plaintif yang terpelajar.

Pendapat Mahkamah Berkaitan Pemakaian s. 5 Dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956

[26] Mahkamah ini berpendapat walaupun penghujahan PKP yang terpelajar ianya tidak termasuk dalam isu-isu yang dibicarakan, mahkamah ini berpendapat PKP yang terpelajar tidak dihalang untuk membangkitkan persoalan undang-undang yang melibatkan tindakan plaintif yang tidak menamakan agen atau pelaku tort bagi kausa pencerobohan, kacau ganggu, pecah tugas statutori dan kecuaian dalam writ dan penyata tuntutannya.

[27] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar nas-nas yang dirujuk menyokong pendiriannya iaitu kegagalan plaintif menamakan agen atau pelaku sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 membawa padah kepada tuntutan plaintif terhadap Kerajaan Malaysia.

[28] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar tuntutan plaintif yang difailkan dalam tahun 1986 di bawah s. 10 Akta itu ianya melibatkan pampasan bagi kerosakan setelah manuver tentera tamat dan bukannya berkaitan perbuatan tort. Tuntutan tersebut melibatkan tuntutan pampasan untuk penggunaan tanah plaintif sepanjang tempoh pewartaan tanah plaintif sebagai kawasan lapang sasar. Mahkamah ini bersetuju bagi tindakan tahun 1986 ianya tiada keperluan untuk menamakan pegawai-pegawai yang terlibat.

[29] Mahkamah ini berpendapat dalam tindakan sekarang, plaintif yang bergantung kepada kausa tindakan tort perlu menamakan pegawai-pegawai yang terlibat sebelum Kerajaan Malaysia selaku defendan bertanggungan dalam tuntutan plaintif kelak.

[30] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu Kerajaan Malaysia hanya akan bertanggungan sekiranya sesuatu tindakan pentadbiran/executive action dilakukan atas arahan Yang di-Pertuan Agong atau Menteri Kabinet. Mahkamah ini bersetuju dalam kes ini tindakan tort bukannya tindakan perlaksanaan kuasa pentadbiran atau perjanjian yang melibatkan Kerajaan Malaysia.

[31] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar, dalam melakukan tindakan seperti dakwaan, Ketua Turus Angkatan Tentera merupakan agen kepada Kerajaan Malaysia di bawah peruntukan undang-undang. Segala tindakan merupakan tindakan rasmi yang tertakluk kepada jaringan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956. Tindakan beliau bukanlah merupakan suatu tindakan pentadbiran yang dilakukan atas arahan Yang di-Pertuan Agung yang membolehkan jaringan s. 15 Akta Prosiding Kerajaan 1956 terpakai.

[32] Mahkamah ini bersetuju dengan kes *Maslinda Ishak v. Mohd Tahir Osman & Ors* [2009] 6 CLJ 653 yang dirujuk oleh PKP yang terpelajar di mana pelaku tort yang mengambil gambar plaintif tanpa kebenaran telah dinamakan dalam tindakan. Tindakan mengambil gambar telah dilakukan semasa menjalankan tugas rasminya dan Mahkamah Rayuan memutuskan Kerajaan Malaysia bertanggungan.

[33] Mahkamah ini juga bersetuju dengan keputusan dalam kes *Lay Kee Tee & Ors (supra)* yang menyentuh kegagalan menamakan pegawai kerajaan bagi maksud s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956. Mahkamah ini merujuk kes *Setia Harian Sdn Bhd v. Sea Eagle Maritime Sdn Bhd & Ors* [2011] 1 CLJ 116 di mana YA Vernon Ong Lam Kiat PK menyatakan pandangannya:

(2) The Federal Court in *Kerajaan Malaysia & Ors v. Lay Kee Tee & Ors* held that on a proper construction of ss. 5 and 6 of the GPA, in any claim in tort against the Government, the officer of the Government who was responsible for the alleged tortious act must be made a party and his liability must be established before the Government can be made liable vicariously as principal. In the present case, the cause of action was in tort, or tort-based, premised on the acts or omissions of the 2nd defendant's officers. As the officers responsible for the alleged wrongdoing were not joined as defendants to the action, it was not possible in law to maintain a successful claim in tort against the Government as primary tortfeasors. It followed that the plaintiff's claim against the 2nd and 3rd defendants must fail. Accordingly, the substantive issues would not be considered. *Kerajaan Malaysia & Ors v. Lay Kee Tee & Ors* (foll); *Steven Phoa Cheng Loon & Ors v. Highland Properties Sdn Bhd & Ors* (foll); *Haji Abdul Rahman v. Government of Malaysia & Anor* (foll); *Lai Seng & Co v. Government of Malaysia & Ors* (dist). (paras 17-18).

[34] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan Malaysia merupakan dua entiti yang berbeza. Istilah Crown di UK tidak boleh disamakan dengan Kerajaan Malaysia. Mahkamah ini bersetuju peguam plaintif yang terpelajar gagal memahami kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong dengan tindakan tort di bawah undang-undang. Mahkamah ini bersetuju tuntutan plaintif langsung tidak menyentuh kuasa eksekutif sebaliknya kausa tindakan tort yang menjadi teras tuntutannya.

[35] Mahkamah ini juga bersetuju peruntukan s. 4 Akta Prosiding Kerajaan 1956 telah menyatakan tindakan yang boleh terus diambil terhadap Kerajaan melainkan tuntutan di bawah tort. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 4 Akta Prosiding Kerajaan 1956 yang berbunyi seperti berikut:

> Subject to this Act and of any written law, any claim against the Government which:
>
> (a) is founded on the use or occupation or the right to the use or occupation of State land; or
>
> (b) arises out of the revenue laws; or
>
> (c) arises out of any contract made by the authority of the Government which would, if such claim had arisen between subject and subject, afford ground for civil proceedings; or
>
> (d) is a claim (other than a claim in tort) for damages or compensation not included in the preceding paragraphs which might lawfully be enforced by civil proceedings as between subject and subject,
>
> shall be enforceable by proceedings against the Government for that purpose in accordance with this Act.

[36] Sehubungan itu peruntukan s. 4 ini tidak melepaskan tanggungjawab plaintif untuk menamakan pegawai Kerajaan bagi maksud peruntukan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956.

[37] Mahkamah ini juga bersetuju pihak defendan dari awal lagi dalam perenggan 23 dan 25.1 pernyataan pembelaan defendan memberi notis kepada plaintif apabila defendan menggunakan perkataan "pengkhidmat-pengkhidmat dan/atau agen-agen defendan". Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar plaintif dari awal lagi memberi bayangan kepada plaintif berkaitan pematuhan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 tetapi plaintif tidak mengambil apa-apa tindakan untuk meminda writ dan penyata tuntutannya. Mahkamah ini berpendapat peguam plaintif yang terpelajar tidak boleh menganggap tindakan PKP yang terpelajar membangkitkan isu ini dalam penghujahan sebagai "ambush trial".

[38] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu kegagalan plaintif untuk mematuhi peruntukan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 ianya membawa padah kepada tuntutan plaintif. Kerajaan Malaysia tidak akan bertanggungan tanpa pegawai-pegawai kerajaan dinamakan sebagai pelaku tortnya. Berdasarkan alasan-alasan ini sudah mencukupi untuk menolak tuntutan plaintif terhadap defendan dengan kos. Mahkamah ini akan beralih kepada Bahagian II dengan membuat andaian plaintif telah mematuhi peruntukan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956.

Bagi Isu (1)

(Sama Ada Keseluruhan Lot No. 3 Geran No. 1642, Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah (Tanah Plaintif) Telah Diwartakan Sebagai Sebuah Padang Menembak Di Bawah Ordinan Manuver Tentera (Pelanjutan) 1947 Menerusi Warta Kerajaan LN 11 Dan 12 Bertarikh 12 Januari 1961 Bersama Dengan Tanah Kerajaan Bersebelahan Yang Terdiri Daripada 179.515 Ekar Tanah (Tanah Bersebelahan))

[39] PKP yang terpelajar telah menghujahkan melalui Warta LN 11 dan 12 bertarikh 22 Disember 1960 (Ikatan Dokumen "B" – ms. (151)-(152)] menunjukkan hanya sebahagian sahaja kawasan Lot 3 Geran No: 1642, Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman (tanah plaintif) yang diwartakan sebagai "Baghdad Firing Range" (Lapang Sasar Baghdad). Kawasan tanah plaintif yang diwartakan sebagai Lapang Sasar Baghdad sebagaimana yang dilorek dengan warna kuning (Ikatan Dokumen "B" – ms. (77)). Kawasan tanah kerajaan bersebelahan yang diwartakan seperti dalam pelan bergaris kuning (Ikatan Dokumen "B" – ms. (76)). PKP yang terpelajar menghujahkan berdasarkan Ikatan Dokumen "B" – ms. (77) tanah plaintif hanya sebahagian yang diwartakan sebagai Lapang Sasar Baghdad.

[40] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar sebahagian besar tanah plaintif telah diwartakan sebagai Lapang Sasar Baghdad sebagaimana yang ditunjukkan dengan lorekan berwarna kuning di ms. (77), Ikatan Dokumen "B".

Bagi Isu (2) Dan (3)

Sama Ada Latihan Menembak Yang Dijalankan Oleh Defendan Boleh Ditafsirkan Sebagai Aktiviti-aktiviti Manuver Di Bawah Akta Manuver Tentera 1983 (Akta Itu)?

Sama Ada Defendan Menjalankan Aktiviti-aktiviti Manuver-manuver Tentera Seperti Yang Ditafsirkan Di Bawah s. 2 Akta Itu;

[41] PKP yang terpelajar merujuk takrifan "kawasan manuver", "kawasan tembak" dan "manuver tentera" sebagaimana yang diperuntukkan bawah s. 2 Akta itu:

> "kawasan manuver" ertinya mana-mana tanah, laut, perairan, pasang surut atau pantai yang diisytiharkan di bawah s. 3 di mana manuver tentera boleh dijalankan;
>
> "kawasan tembak" ertinya mana-mana tanah, laut, perairan, pasang surut atau pantai yang diisytiharkan di bawah seksyen 3 untuk menjalankan latihan meriam atau senapang, tembakan di udara, latihan menggugurkan bom atau menggugurkan torpedo termasuk menggunakan apa-apa senjata yang ditembakkan di darat, dari laut atau dari pesawat udara dalam penerbangan;
>
> "manuver tentera" ertinya apa-apa atur kedudukan askar, senjata api, kenderaan, kapal atau pesawat udara yang dijalankan di mana-mana tanah, laut, perairan, pasang surut, pantai atau udara oleh angkatan tentera atau mana-mana angkatan pelawat.

[42] PKP yang terpelajar selanjutnya berhujah Warta LN 11/1961 dan Warta PU (B) 622 secara jelasnya menunjukkan proklamasi hanya untuk "kawasan tembak" dan bukannya "kawasan manuver". Keterangan SD1 menyokong Lapang Sasar Baghdad tidak digunakan untuk aktiviti manuver tentera tetapi hanya untuk latihan menembak:

> ... latihan menembak senjata kecil seperti Rifle Colt M16, Steyer AUG, Pistol 7.62 mm LMG dan MGKA.

[43] SD1 juga menekankan sekiranya manuver tentera seperti "hand grenade" dan "mortar firing" digunakan template lapang sasar adalah berbeza. Sebaliknya lapang sasar yang ditunjukkan dalam Ikatan Dokumen "B" – ms. (76) ianya lapang sasar untuk latihan menembak dengan menggunakan senjata kecil.

[44] PKP yang terpelajar pada akhir penghujahannya menyatakan berdasarkan tafsiran "kawasan tembak" Warta LN 11/1961 dan PU (B) 622 latihan menembak tidak termasuk dalam tafsiran aktiviti manuver tentera. Berdasarkan keterangan SD1 dan template "Lapang Sasar Baghdad', tiada aktiviti-aktiviti manuver tentera telah dijalankan oleh pengkhidmat defendan sebagaimana takrifan s. 2 Akta itu.

[45] Sebaliknya peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan aktiviti yang dijalankan oleh tentera termasuk dalam takrifan "kawasan tembak" dan "manuver tentera". Apabila Lapang Sasar Baghdad dibatalkan pewartaannya pada 4 Disember 1986, segala aktiviti tentera yang dijalankan tidak termasuk dalam LN 11 dan 12 bertarikh 22 Disember 1960.

[46] Peguam plaintif yang terpelajar telah menghujahkan defendan gagal mengemukakan keterangan yang mencukupi sepanjang perbicaraan iaitu apakah aktiviti yang dijalankan selepas 4 Disember 1986. Keterangan SD1 ianya tidak mencukupi dan tiada pengetahuan secara peribadi apakah aktiviti yang dilakukan selepas tarikh berkenaan. Peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan keterangan SD1 yang menyatakan ianya digunakan untuk latihan menembak senjata kecil perlu diuji dengan keterangan SD1 semasa disoal balas oleh peguam plaintif yang terpelajar. SD1 juga gagal mengemukakan keterangan dokumen yang menunjukkan template yang berbeza untuk "kawasan menembak" dan "manuver tentera".

[47] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar latihan menembak yang dijalankan tidak termasuk dalam tafsiran "manuver tentera". Mahkamah ini telah meneliti keterangan SD1 berkaitan aktiviti tentera selepas 4 Disember 1986 dan ianya memadai untuk membuktikan hanya digunakan untuk latihan menembak senjata kecil. Mahkamah ini telah menimbangkan keterangan SD1 walaupun beliau tidak sepanjang masa berada atau bertugas di Lapang Sasar Baghdad, ianya mencukupi bagi membuktikan fakta ianya untuk latihan menembak senjata kecil. Mahkamah ini juga menerima keterangan SD1 berkaitan template yang berbeza walaupun tiada keterangan dokumen dikemukakan. Beliau telah memberi keterangan secara lisan dengan bersumpah dan mahkamah ini tiada alasan untuk tidak mempercayai keterangan SD1 berkaitan template berbeza.

Bagi Isu (4)(a)

Sama Ada Selepas Pembatalan Warta Tersebut, Defendan:

(a) Masih Melakukan Aktiviti Menembak Di Tanah Bersebelahan

[48] PKP yang terpelajar telah menghujahkan selepas pembatalan Warta LN 11 dan 12 bertarikh 12 Januari 1961, tanah plaintif dan sebahagian Lot 1535 tidak lagi digunakan sebagai zon penampan dan telah dipulangkan kepada plaintif. Notis pembatalan penggunaan kawasan lapang sasar sebagai kawasan menembak telahpun diserahkan kepada peguamcara plaintif menerusi surat bertarikh 16 Disember 1986 (Ikatan Dokumen "B" – ms. (5)). Plaintif mulai tarikh itu bebas menggunakan tanah plaintif tanpa sebarang sekatan dan halangan.

[49] PKP yang terpelajar menghujahkan walaupun begitu, latihan menembak dengan senjata kecil masih dijalankan di tanah bersebelahan mulai tahun 1987 sehingga November 2004.

[50] Sebaliknya peguam plaintif yang terpelajar telah merujuk pendapat undang-undang yang diberikan oleh Penolong Penasihat Undang-Undang 1 (Ikatan Dokumen "B" – ms. (154)-(158)). Beliau menghujahkan dalam pendapat undang-undang berkenaan telah mengakui pihak tentera masih mengadakan latihan menembak di atas Lot 2029 selepas pembatalan Warta. Benteng penahan telah dibina dalam tahun 1987 bagi kegunaan latihan menembak bagi mengelak peluru tersasar ke tanah Lot 3 kepunyaan plaintif.

[51] Peguam plaintif menghujahkan plaintif dan SP2 dalam keterangannya semasa pemeriksaan balas mereka mendengar bunyi bising tembakan latihan menembak oleh defendan selepas 24 November 1986. SP2 secara peribadi melihat latihan menembak diadakan di atas tanah bersebelahan.

[52] Peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan keterangan SP1 dan SP2 tidak dicabar semasa soal balas dan defendan masih meneruskan latihan menembak ke arah tanah plaintif sehingga tahun 2009 apabila Lapang Sasar Baghdad diletak semula di Gurun.

[53] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar latihan menembak digunakan atas lot tanah bersebelahan dan ianya bukan di Lot No. 3 tanah plaintif. Mahkamah ini menerima keterangan SD1 yang mengesahkan hanya aktiviti latihan menembak senjata kecil sahaja dilakukan selepas pembatalan Lapang Sasar Baghdad.

Bagi Isu 4(b)

Masih Terus Menggunakan Kedua-dua Tanah Bersebelahan Dan Tanah Plaintif Dari Semasa Ke Semasa Untuk Menjalankan Manuver-manuver Tentera Di Atasnya

[54] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu SD1 memberi keterangan berdasarkan rekod yang ada. Tanah plaintif tidak pernah digunakan untuk latihan menembak atau tujuan lain semasa diwartakan sebagai Lapang Sasar Baghdad. Tanah plaintif hanya digunakan sebagai zon penampan bagi tujuan aktiviti menembak yang dijalankan di tanah kerajaan yang mengandungi lapang sasar tersebut dan langsung tidak digunakan untuk manuver-manuver tentera.

[55] SD1 juga telah memberi keterangan tanah plaintif digunakan sebagai zon penampan sehingga 4 Disember 1986. Selepas pembatalan Warta tersebut hanya tanah bersebelahan digunakan untuk latihan menembak. Penggunaan tanah plaintif sebagai zon penampan tidak diperlukan selepas tahun 1991. Defendan telah mengambil langkah-langkah keselamatan untuk menghalang peluru-peluru memasuki terutamanya tanah plaintif. Satu benteng bukit setinggi 20 kaki dihujung sasaran tembak, 13 tembok penghadang berlapis antara 20 kaki-30 kaki dengan tiangnya berketinggian 15-20 kaki dan penampannya setinggi 10 kaki lebar dan lebar 60 kaki untuk

menghadang peluru-peluru memasuki kawasan lain dan benteng tanah di kiri dan kanan lapang sasar setinggi 15 kaki (merujuk keterangan SD2).

[56] Mahkamah ini bersetuju sejak pembatalan Warta, tanah plaintif tidak pernah digunakan untuk manuver tentera tetapi hanya sebagai zon penampan bagi latihan menembak yang dijalankan atas tanah bersebelahan. Tanah plaintif telahpun dipulangkan kepada plaintif selepas pembatalan Warta "Lapang Sasar Baghdad".

Bagi Isu 4(c)

Masih Menempatkan Amunisi Di Atas Tanah Yang Diperolehi Bersebelahan Tanah Plaintif

[57] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar, depot simpanan peluru yang didakwa oleh plaintif sebagai kawasan amunisi tidak berada di tanah bersebelahan tetapi berada agak jauh dari lapang sasar dan tanah plaintif dan tidak membawa bahaya kepada tanah plaintif. SD1 menyatakan depot simpanan peluru berada pada jarak 1,200 meter dengan tanah plaintif seperti yang ditandakan segi empat merah [W] dalam pelan Ikatan Dokumen "B" – ms. (76) yang terletak dalam kawasan Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani. Depot simpanan ini dibina dengan bumbung berkonkrit dan dikelilingi oleh "bunker" yang ketinggiannya lebih kurang 12 kaki dan masih digunakan sehingga kini.

Bagi Isu (5)

Sekiranya perenggan 4 (b) di atas dibuktikan oleh plaintif, sama ada menurut s. 7(3) Akta itu, defendan mempunyai kewajipannya:

(a) Untuk mengalihkan kesemua kerja-kerja tentera, saki-baki bahan-bahan letupan terbenam dan struktur tanah plaintif; dan

(b) Untuk mengalihkan segala kerosakan yang dilakukan di tanah plaintif dan untuk membaiki dan memulihkan sehampir yang mungkin keadaan yang sama sebagaimana keadaannya sebelum bermulanya manuver-manuver tentera?

[58] Mahkamah ini berpendapat sebelum menyentuh isu ini dengan lebih lanjut, eloklah diperturunkan peruntukan s. 7(3) Akta itu bagi kemudahan rujukan:

> At the conclusion of any manoeuvre all military works, dams or other structures made or done under subsection (1) shall be removed and any damage done to property shall be repaired and the property left as nearly as may be in the same condition as it was prior to the military manoeuvre.

[59] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu pengkhidmat defendan atau agen defendan tidak pernah pada bila-bila masa menjalankan aktiviti manuver tentera di atas tanah plaintif. Mahkamah ini dirujukkan peruntukan s. 7(1) Akta itu yang memperuntukkan:

(1) Apabila sesuatu manuver tentera dijalankan di bawah Akta ini, orang yang mengambil bahagian dalam manuver tentera itu boleh, dalam kawasan yang dinyatakan dalam notis itu, jika ada, dan selama tempoh yang dinyatakan itu:

(a) Xxxx xxxx xxx

(b) Xxxx xxxx xxx

[60] Mahkamah ini bersetuju keterangan SD1 secara jelasnya menyatakan semasa tanah plaintif diwartakan sebagai "Lapang Sasar Baghdad" ianya tidak pernah digunakan untuk latihan menembak atau tujuan lainnya. Tanah plaintif hanya digunakan sebagai zon penampan bagi tujuan aktiviti menembak yang dijalankan di tanah kerajaan yang mengandungi lapang sasar dan langsung tidak digunakan manuver-manuver tentera.

[61] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar defendan tidak mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara yang didakwa oleh plaintif iaitu untuk mengalihkan kerja-kerja tentera, saki baki bahan-bahan letupan terbenam dan struktur tanah plaintif kerana ianya tidak wujud di atas tanah plaintif.

[62] Peruntukan s. 7 Akta itu terpakai untuk kawasan manuver yang perlu diwartakan terlebih dahulu. Lapang sasar telahpun diwartakan sebagai "kawasan tembak" dan bukannya kawasan "manuver". Mahkamah ini bersetuju pengisytiharan ini dibuat selaras dengan peruntukan s. 3 Akta itu di mana ianya diwartakan sebagai "kawasan tembak" sebagaimana LN 11/1961. Mahkamah ini bersetuju mengikut tafsiran s. 2 Akta itu terdapat perbezaan antara "kawasan tembak" dan "kawasan manuver".

[63] Mahkamah ini bersetuju pendirian peguam plaintif yang terpelajar yang menyatakan peruntukan s. 7(3) Akta itu terpakai ianya suatu hujahan yang tersasar memandangkan s. 7(3) Akta itu terpakai untuk "kawasan manuver" dan bukannya "kawasan menembak".

[64] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar defendan tidak mempunyai tugas statutori di bawah peruntukan s. 7(3) Akta itu.

Bagi Isu (6)

Sama Ada Aktiviti-aktiviti Defendan Yang Didakwa Dijalankan Di Atas Tanah Plaintif Dan Tanah Bersebelahan Yang Dinyatakan Dalam Perenggan 4 Dan 5 Isu-isu, Jika Dibuktikan Membentuk Tindakan-tindakan Pencerobohan, Kacau Ganggu, Kemungkiran Kewajipan Statutori Dan Kecuaian Di Pihak Defendan?

[65] Mahkamah ini akan menyentuh kausa tuntutan plaintif secara satu persatu bagi kemudahan memahami alasan penghakiman ini.

A **Pencerobohan**

[66] Peguam plaintif yang terpelajar dalam penghujahannya menyentuh prinsip undang-undang berkaitan pencerobohan atas tanah. Beliau merujuk kes *Projek Lebuh Raya Utara-Selatan Sdn Bhd v. Kim Seng Enterprise (Kedah) Sdn Bhd* [2013] 6 CLJ 958 di mana mengesahkan prinsip dalam kes *Holmes v.* B *Wilson* [1839] 10 A & E 503. Peguam plaintif yang terpelajar telah merujuk keterangan SD1 semasa pemeriksaan balas yang menyatakan peluru Riffle Colt M 16 dan Steyr AUG boleh bergerak sejauh 1,000 meter. Begitu juga peluru MGKA boleh bergerak sejauh 900 meter. Peguam plaintif yang terpelajar juga merujuk keterangan SD1 yang menyatakan sekiranya peluru C tersebut tidak mengenai benteng penampan ianya boleh menjangkau 1,000 meter daripada tempat tembakan di Lapang Sasar Baghdad dan boleh sampai ke tanah plaintif. Peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan berlakunya pencerobohan atas tanah plaintif oleh defendan.

[67] Peguam plaintif juga menghujahkan keterangan SD1 yang menyatakan D selepas aktiviti menembak dikeluarkan Sijil Penyelesaian Pembersihan Lapang Sasar (Range Clearance Certificate) diragui kerana SD1 gagal mengemukakan sebarang sijil berkenaan sepanjang perbicaraan.

[68] Sebaliknya PKP yang terpelajar menarik perhatian mahkamah ini E kepada kes *Tan Wee Choon v. Ong Peck Seng & Anor* [1985] 1 CLJ 478; [1985] CLJ (Rep) 798; [1986] 1 MLJ 322 yang menyatakan:

> Trespass to land unlike criminal trespass is completed once a person wrongfully, *albeit* peaceably, intrudes into the land in the possession of another, even where no damage is done. Trespass to land covers all unlawful entry and includes taking possession, pulling down or destroying F anything permanently fixed to the land. The following passage on what constitutes trespass to land is found in *Halsbury's Laws of England* (3rd edn.), Vol. 38 at page 739:
>
> > Every unlawful entry by one person on land in the possession of another is a trespass for which an action lies, although no actual G damage is done. A person trespasses upon land if he wrongfully sets foot on, or rides or drives over, it, or takes possession of it, or expels the person in possession, or pulls down or destroys anything permanently fixed to it, or wrongfully takes minerals from it, or places or fixes anything on it or in it, or, it seems, if he erects or suffers to continue on his own land anything which invades the H airspace of another, or if he discharges water from another's land, or sends filth or any injurious substance which has been collected by him on his own land on to another's land.

[69] PKP yang terpelajar selanjutnya merujuk kes *Terra Damansara Sdn Bhd v. Nandex Development* [2006] 8 CLJ 657; [2006] 6 MLJ 24 merujuk kes *Barker* I *v. The Queen* [1983] 153 CLR 338, 356 menjelaskan seperti berikut:

> [9] The tort of trespass to land or what is known as trespass *quare clausum fregit* consists of three significant factors. Firstly, it is the act of entering upon land in the possession of another – here it would be the plaintiff

as against the defendant who is the trespasser. Secondly, having entered upon such land the trespasser continues to remain on the land. Thirdly, the trespasser placing or projecting any object upon such land. It must be emphasised that in each case, the entry is without lawful justification (*Barker v. The Queen* [1983] 153 CLR 338, 356).

[70] PKP yang terpelajar berdasarkan kes di atas, plaintif perlu membuktikan empat elemen penting untuk berjaya dalam tuntutannya atas kausa pencerobohan tanah iaitu:

(i) Tindakan memasuki tanah orang lain;

(ii) Setelah memasuki tanah tersebut, penceroboh berterusan berada di atas tanah tersebut;

(iii) Penceroboh meletak atau menayangkan sesuatu objek di atas tanah tersebut; dan

(iv) Penekanan bagi setiap kes, kemasukan tanpa justifikasi yang sah di sisi undang-undang.

[71] PKP yang terpelajar akhirnya menghujahkan plaintif gagal membuktikan keempat-empat elemen yang dinyatakan di atas. Dihujahkan plaintif gagal membuktikan secara keterangan atau dokumen semasa latihan menembak dijalankan, pengkhidmat defendan telah memasuki dan menceroboh tanah plaintif dan meninggalkan apa-apa harta benda kepunyaan pengkhidmat defendan bermula dari tarikh pembatalan warta sehingga ke hari perbicaraan.

[72] PKP yang terpelajar menoktahkan hujahannya dengan menegaskan tuntutan plaintif atas pencerobohan tidak dibuktikan.

Pendapat Mahkamah

[73] Mahkamah ini bersetuju dengan prinsip undang-undang yang dirujuk oleh peguam plaintif yang terpelajar dan PKP yang terpelajar berkaitan tuntutan plaintif atas pencerobohan tanah. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu plaintif telah gagal membuktikan elemen-elemen yang digariskan dalam kes *Terra Damansara Sdn Bhd (supra)*. Mahkamah ini berpendapat keterangan SD1 yang dirujuk oleh peguam plaintif yang terpelajar ianya belum mencukupi untuk membuktikan pengkhidmat defendan melakukan pencerobohan atas tanah plaintif.

[74] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu peguam plaintif yang terpelajar telah terkhilaf berkaitan fakta Sijil Penyelesaian Pembersihan Lapang Sasar ('sijil tersebut'). Sijil tersebut terpakai untuk kawasan yang digunakan untuk latihan menembak di tanah bersebelahan dan bukannya tanah plaintif. Tanah plaintif hanya digunakan sebagai zon penampan sepanjang tempoh diwartakan. Mahkamah ini bersetuju defendan tidak bertanggungjawab di bawah Akta itu untuk

mengeluarkan sijil tersebut kepada plaintif. Sijil tersebut ianya digunakan untuk pentadbiran kem bagi memastikan kawasan tembak berada dalam keadaan bersih.

Kacau Ganggu

[75] PKP yang terpelajar telah menarik perhatian mahkamah ini kepada kes *Projek Lebuhraya-Selatan (supra)* yang telah membincangkan secara terperinci prinsip kacau ganggu dan menggariskan tiga elemen penting kacau ganggu persendirian (private nuisance) iaitu:

(a) indirect interference with the enjoyment of the land;

(b) that such an interference was unreasonable; and

(c) that the interference had caused damaged to the claimant.

[76] PKP yang terpelajar telah menghujahkan plaintif perlu membuktikan terlebih dahulu beliau mengalami kerosakan atau kerugian. Kegagalan plaintif untuk berbuat demikian menyebabkan tuntutan plaintif ditolak. PKP yang terpelajar telah merujuk kes *Wong See Kui v. Hong Hin Tin Mining Co* [1969] 1 LNS 202; [1969] 2 MLJ 234 yang menyatakan:

> Therefore, the plaintiff has not discharged his burden of proof on the question of damage caused to him by the defendant company. The test is one of balance of probabilities, not the existence of possibilities.
>
> Since damage is one of the essentials of nuisance, (see *Sedleigh-Denfield v. O'Callaghan* [1940] AC 880) and negligence, (see *Munday Ltd v. London County Council* [1916] 2 KB 331), the plaintiff's case founded on these two causes of action must fail. In *Sedleigh-Denfield*'s case Lord Atkin said at page 896:
>
> > It is probably strictly correct to say that so long as the offending condition is confined to the defendant's own land without causing damage it is not a nuisance, though it may threaten to become a nuisance. But where damage has accrued the nuisance has been caused.

[77] PKP yang terpelajar telah merujuk perenggan 18 penyata tuntutan yang memplidkan kausa kacau ganggu seperti berikut:

> 18. Plaintif juga menyatakan bahawa sejak dari 24.11.86, aktiviti-aktiviti defendan di Tanah Plaintif dan Tanah Bersebelahan termasuk penggunaan padang menembak dan menembaknya ke arah Tanah Plaintif, lokasi kawasan simpanan amunisi di Tanah Bersebelahan, penggunaan berterusan Tanah Plaintif untuk manuver-manuver tentera, dan bahaya yang tetap, bunyi yang berlebih-lebihan, getaran dan bahan-bahan letupan terbenam membentuk suatu gangguan salah dengan penggunaan tanah oleh Plaintif dan kacau ganggu yang boleh diambil tindakan.

[78] PKP yang terpelajar selanjutnya berhujah perkara yang masih wujud ialah kawasan simpanan amunisi dan ini yang didakwa oleh plaintif sebagai kacau ganggu. Perkara-perkara lainnya yang diplidkan dalam perenggan 18 tidak pernah wujud dan sekiranya wujud ianya telah tamat sejak November 2004.

[79] PKP yang terpelajar telah menghujahkan isu yang perlu diputuskan ialah apakah kerosakan dan kerugian yang telah dialami oleh plaintif dengan kewujudan depot simpanan peluru yang berada pada jarak 1,200 meter dari tanah plaintif.

[80] PKP yang terpelajar telah merujuk perenggan 22 penyata tuntutan yang memplidkan plaintif telah menanggung kerugian dan kehilangan akibat kacau ganggu. Mahkamah ini dirujuk Q & A no. 55:

> Q55: Could you elaborate further on your answer to question 54 above?
>
> Answer: I was approached by several pontential buyer to buy my land for considerable sum. Two of them, I remember being Tenaga Nasional Berhad (TNB) and a German Company called Hallman. I was unable to sell them because of the Defendant's activities in the Adjoining land as mentioned in Questions and Answers No. 48 and 50 of the Witness Statement. Most of the buyers declined to concludea deal because of these activities surrounding my land …

[81] PKP yang terpelajar menghujahkan plaintif gagal memanggil pihak TNB dan German Company untuk memberi keterangan sama ada benar wujudnya cadangan membeli tanah plaintif.

[82] Plaintif juga dihujahkan gagal membuktikan kewujudan depot simpanan peluru menyebabkan kacau ganggu atas tanah plaintif. Sebaliknya pihak defendan melalui SD: 1 telah menyatakan tidak pernah berlaku apa-apa insiden letupan di kawasan Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani sehingga menyebabkan kerosakan tanah plaintif.

[83] PKP yang terpelajar pada akhirnya memohon tuntutan plaintif atas kacau ganggu ditolak.

[84] Sebaliknya peguam plaintif yang terpelajar telah menghujahkan plaintif berjaya membuktikan kacau ganggu telah disebabkan oleh aktiviti yang dilakukan atas tanah bersebelahan sehingga menyebabkan kacau ganggu atas tanah plaintif. Peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan isu kacau ganggu ianya bergantung kelakuan defendan sama ada ianya munasabah atau tidak "according to the ordinary usages of mankind living in ... a particular society (*Sedleigh – Denfield v. O' Callaghan* [1940] AC 880, 903)". Dihujahkan dalam menentukan apakah yang dikatakan munasabah, mahkamah perlu mengimbangi hak tiap-tiap pihak atas kegunaan tanahnya (*Projek Lebuh Raya Utara-Selatan (supra)*).

[85] Peguam plaintif yang terpelajar telah menghujahkan aktiviti menembak yang dilakukan oleh defendan atas tanah bersebelahan bermula dari 24 November 1986 sehinggalah 10 September 2009 menghala tanah plaintif telah menyebabkan bahaya, bunyi yang berlebihan dan gegaran yang menjejaskan tanah plaintif.

Pendapat Mahkamah

[86] Mahkamah ini bersetuju dengan prinsip undang-undang yang telahpun diketengahkan oleh pihak-pihak dalam menggarap isu kacau ganggu. Sebagai tambahan mahkamah ini ingin merujuk kes *Ong Koh Hou v. Perbadanan Bandar & Anor* [2009] 1 LNS 512; [2009] 8 MLJ 616 di mana YA Harmindar Singh PK (pada ketika itu) menyuarakan pandangannya seperti berikut:

> [9] In the instant case, nuisance is relevant when it involves under interference with enjoyment of the land or 'the personal inconvenience and interference with one's enjoyment, one's quiet, one's personal freedom, anything that discomposes or injuriously affects the senses or the nerves' (see *Clark & Lindsell on Torts*, at p 979; *St Helens Smelting Co v. Tipping* (1865) II HLC 642).

[87] Mahkamah ini merujuk Buku Teks bertajuk *Clark & Lindsell on Torts,* 18th edn, London, Sweet & Maxwell, 2000, di ms. 979 ianya merumuskan seperti berikut:

> It is always a question of degree whether the interference with comfort or convenience is sufficiently serious to constitute a nuisance. The acts complained of as constituting the nuisance, such as voice, smells or vibration, will usually be lawful acts which only become wrongful from the circumstances under which they are performed, such as time, place, extent or the manner of performance. In organised society everyone must put up with a certain amount of discomfort and annoyance caused by the legitimate activities of his neighbours … No precise or universal formula is possible, but a useful test is what is reasonable according to ordinary usages of mankind living in a particular society.

[88] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar berpandukan perenggan 18 perkara-perkara yang dikatakan menjadi kacau ganggu ialah kewujudan depot simpanan peluru. Mahkamah ini bersetuju mengikut keterangan SD1 sepanjang depot simpanan peluru berada di tanah bersebelahan tidak pernah berlaku kejadian letupan atau perkara lainnya yang tidak diingini.

[89] Mahkamah ini juga bersetuju menjadi tugas kepada plaintif untuk membuktikan akibat kacau ganggu pihaknya mengalami kerugian atau kerosakan sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Wong See Kui (supra).* Mahkamah ini bersetuju plaintif gagal memanggil saksi daripada Tenaga Nasional Berhad atau German Company bagi membuktikan kononnya ada cadangan membeli tanah plaintif yang kemudiannya dikatakan gagal akibat kacau ganggu defendan atas tanah plaintif.

[90] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat plaintif telah gagal membuktikan akibat kacau ganggu yang kononnya dilakukan oleh defendan telah mengakibatkan kerugian atas tanah plaintif.

Kemungkiran Kewajipan Statutori

[91] PKP yang terpelajar telah merujuk kepada *Clark & Lindsell On Torts,* edisi Ke 20; *X and Other (minors) v. Bedfordshire County Council, M (a minor) and another v. Newham London Borough Council and others, E (a minor) v. Dorset County Council and Other Appeals* [1995] 3 All ER 353 dan *Hu Sepang v. Keong On Eng & Ors* [1991] 2 CLJ 999; [1991] 2 CLJ (Rep) 739; [1991] 1 MLJ 440 di ms. 442 yang menyentuh prinsip pecah tugas statutori.

[92] Plaintif telah memplidkan defendan dikatakan telah gagal mematuhi peruntukan s. 7(3) Akta itu.

[93] Sebaliknya peguam plaintif yang terpelajar telah menghujahkan defendan telah gagal mematuhi peruntukan s. 7(3) Akta itu. Peguam plaintif telah bergantung kepada keterangan SD1 yang mengakui sejak tahun 2002 lagi plaintif telah meminta tinjauan bersama dilakukan bagi memastikan keselamatan tanah plaintif.

Pendapat Mahkamah

[94] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu peruntukan s. 7(3) Akta tidak terpakai atas tanah plaintif. Mahkamah ini telahpun memutuskan isu ini dalam isu (5) di atas. Mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengulanginya lagi. Plaintif telah gagal membuktikan defendan telah pecah tugas di bawah peruntukan s. 7(3) Akta itu yang menjadi kausa tindakan plaintif.

Kecuaian

[95] PKP yang terpelajar telah merujuk kes *Projek Lebuhraya Utara-Selatan Sdn Bhd (supra)* yang telah menggariskan tiga perkara bagi plaintif untuk membuktikan kecuaian defendan. YA Abdul Malik Ishak HMR telah menyatakan perkara-perkara tersebut iaitu:

(a) that the defendant owes the claimant plaintiff a duty of care;

(b) that the defendant is in breach of that duty of care; and

(c) that the claimant plaintiff suffers damage as a result of that breach of duty and that damage is not too remote.

[96] PKP yang terpelajar telah merujuk kes yang sama iaitu *Wong See Kui (supra)* dan plaintif perlu membuktikan akibat kecuaian defendan beliau mengalami kerosakan atau kerugian. PKP yang terpelajar telah merujuk peruntukan s. 106 Akta Keterangan 1950 yang memerlukan plaintif membuktikannya.

[97] Sebaliknya peguam plaintif yang terpelajar telah menghujahkan plaintif berjaya membuktikan defendan telah melakukan kecuaian sehingga menyebabkan kerugian atas tanah plaintif. Peruntukan s. 106 Akta Keterangan 1950 tidak terpakai kepada plaintif dan ianya lebih kepada kes jenayah. Pendakwaan menghadapi masalah untuk membuktikan perkara yang dalam pengetahuan tertuduh sendiri. Beliau merujuk kes *PP v. Hoo Chee Keong* [1997] 2 CLJ Supp 357; [1997] MLJ 451 di ms. (459)-(460).

Pendapat Mahkamah

[98] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar plaintif perlu membuktikan akibat kecuaian yang dilakukan oleh defendan (walaupun plaintif gagal memplidkan pengkhidmat atau agen Kerajaan Malaysia bagi maksud s. 4 dan s. 5 Akta Prosiding Kerajaan 1956) mengalami kerugian atau kerosakan. Mahkamah ini mengambil pendekatan dan keputusan yang sama dengan tuntutan plaintif atas kausa kacau ganggu.

[99] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar peruntukan s. 106 Akta Keterangan 1950 terpakai dalam konteks kes jenayah sebagaimana yang diterangkan dalam kes *PP v. Hoo Chee Keong (supra).*

Bagi Isu (7)

[100] Sekiranya di perenggan 6 dibuktikan, sama ada plaintif menanggung kerugian dan kerosakan akibat tindakan-tindakan pencerobohan, kacau ganggu, kemungkiran kewajipan statutori dan kecuaian defendan sebagaimana yang diplidkan di perenggan 22 dan butiran-butiran di dalam penyata tuntutan plaintif.

[101] Mahkamah ini telahpun memutuskan plaintif telah gagal membuktikan defendan bertanggungan atas pencerobohan, kacau ganggu, kemungkiran kewajipan statutori dan kecuaian sebagaimana yang dihuraikan di isu (6) di atas.

Bagi Isu (8)

Sama Ada Defendan Telah Memberhentikan Latihan/Aktiviti-aktiviti Menembak Dan Aktiviti-aktiviti Manuver Di Tanah Bersebelahan Selepas November 2004?

[102] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar segala aktiviti menembak yang dijalankan di tanah bersebelahan telah dihentikan sejak bulan November 2004. Mahkamah ini juga bersetuju tanah bersebelahan tidak pernah sejak 1961 sehingga November 2004 digunakan untuk aktiviti manuver tentera.

Bagi Isu (9) Dan (10)

Sama Ada Tindakan Plaintif Terhadap Defendan Dihalang Oleh Had Masa Menurut s. 11 Akta Itu?

Sama Ada Jumlah Pampasan RM4,017,571.02 Yang Selesai Dibayar Pada 15 Februari 1988 Merupakan Penyelesaian Penuh Dan Muktamad Di Bawah s. 10(3) Akta Itu?

[103] Mahkamah ini akan menyentuh isu (9) dan (10) bersekali kerana ianya saling kait mengait antara satu dengan yang lainnya.

[104] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar dalam isu ini. Peruntukan s. 11 Akta itu tiada kaitan dengan tuntutan plaintif atas kausa tindakan yang berlainan dengan peruntukan s. 10(3) Akta itu. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar wang pampasan yang dibayar oleh defendan berjumlah RM4,017.571.02 berkaitan pampasan di bawah s. 10(3) Akta itu dan ekoran pewartaan LN 11 dan 12 bertarikh 22 Disember 1960. Plaintif tidak dihalang daripada memfailkan tindakan ini sekiranya keperluan s. 4 dan s. 5 Akta Prosiding Kerajaan 1956 dipatuhi. Juga, plaintif dapat membuktikan tuntutannya sebagaimana yang diperincikan dalam isu (6) di atas.

Bagi Isu (11)

Sama Ada Tindakan Plaintif Terhadap Defendan Dihalang Oleh Had Masa Menurut s. 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 (PAPA)?

[105] PKP yang terpelajar menghujahkan tindakan plaintif atas kausa pecah statutori di bawah s. 7(3) Akta itu dan kecuaian bermula daripada 24 November 1986 apabila Lapang Sasar Baghdad dibatalkan pewartaannya. Plaintif mempunyai tempoh 30 bulan dari tarikh tersebut untuk memfailkan writ dan penyata tuntutan berdasarkan kausa tindakan tersebut iaitu sebelum 23 November 1989. PKP yang terpelajar menghujahkan writ dan penyata tuntutan yang difailkan pada 18 Mei 2013 iaitu 23 tahun enam bulan ianya dihalang di bawah s. 2(a) PAPA.

[106] Pemakaian peruntukan s. 2(a) PAPA ada dijelaskan dalam kes *Selvaraju Ponniah v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor* [2007] 6 CLJ 245; [2007] 7 MLJ 1 dan *Kerajaan Malaysia & Ors v. Lay Kee Tee & Ors (supra).*

[107] Sebaliknya peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan tuntutan plaintif tidak dihalang oleh peruntukan s. 2(a) PAPA. Peguam plaintif menghujahkan defendan masih menjalankan aktiviti menembak di tanah bersebelahan dari tarikh 1986 sehinggalah September 2009. Peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan untuk menyatakan kausa tindakan bermula September 2009 ianya tidak betul. Mengikut undang-undang, kausa tindakan plaintif berterusan sehinggalah plaintif memfailkan writ dan penyata tuntutan terhadap defendan.

[108] Secara alternatif dihujahkan, sekiranya kausa tindakan bermula tahun 2009, bukannya semua tindakan pihak berkuasa awam dilindungi di bawah s. 2(a) PAPA sekiranya tindakan tersebut bercanggah dengan peruntukan undang-undang. Beliau merujuk kes *Ngo Ong Chung & Ors v. Pengarah Tanah Dan Galian Perak Darul Ridzuan* [2013] 1 LNS 146; [2013] MLJU 233 sebagai nas sandarannya. (Sila rujuk juga kes *Ban Guan Hin Realty Sdn Bhd v. Sunny Yap Chiok Sai & Ors* [1987] 1 LNS 144; [1989] 1 MLJ 131 dan *Lee Hock Ning v. Government of Malaysia* [1972] 1 LNS 66; [1972] 2 MLJ 12).

[109] Peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan tindakan defendan yang meneruskan latihan menembak di tanah bersebelahan selepas pembatalan warta merupakan tindakan *ultra vires* dan/atau menyalahi undang-undang dan tiada kesan undang-undang. Pada akhirnya dihujahkan tindakan defendan ini tidak dilindungi oleh peruntukan s. 2(a) PAPA. Peguam plaintif yang terpelajar juga merujuk Pandangan Undang-Undang bagi menyokong penegasannya dalam isu ini.

Pendapat Mahkamah

[110] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu tindakan plaintif atas kecuaian dan pecah tugas di bawah s. 7(3) Akta itu sekiranya ada bermula pada 24 November 1986. Plaintif perlu memfailkan writ dan penyata tuntutan dalam tempoh 36 bulan daripada kausa tindakan bermula. Mahkamah ini bersetuju plaintif telah memfailkan tindakan atas kausa pecah tugas di bawah s. 7(3) Akta itu dan kecuaian melebihi tempoh 36 bulan dan ianya dihalang di bawah s. 2(a) PAPA.

[111] Mahkamah ini tidak bersetuju kausa tindakan plaintif tidak bermula kerana defendan dikatakan melakukan tindakan secara *ultra vires* atau menyalahi undang-undang dan peruntukan s. 2(a) PAPA tidak terpakai. Mahkamah ini telahpun memutuskan tindakan defendan yang menjalankan latihan menembak di tanah bersebelahan ianya tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang. Mahkamah ini telahpun membincangkan perkara ini di isu 4(a) dan (b) di atas.

[112] Dengan hormat, Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar dalam isu had masa ini.

Bagi Isu (12) Dan (13)

Sama Ada Kewujudan Tanah Bersebelahan Sebagai Kawasan Lapang Sasar Selepas Pembatalan Warta Tersebut Boleh Dipertikaikan Dalam Tindakan Ini?

Sama Ada Melalui Warta PU (B) 622 Bertarikh 4 Disember 1986 Kawasan Lapang Sasar Tersebut Telah Terhenti Menjadi Kawasan Menembak Dari 4 Disember 1986?

[113] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar walaupun tanah bersebelahan yang digunakan untuk latihan menembak dari tahun 1997 sehingga 2004 ianya tidak diwartakan sebagai "kawasan menembak" bukannya suatu isu utama di hadapan mahkamah ini.

[114] Mahkamah ini bersetuju perkara pokok yang perlu dibuktikan oleh plaintif ialah sama ada defendan telah melakukan pencerobohan dan kacau ganggu atas tanah plaintif berpunca daripada latihan menembak yang diadakan di tanah bersebelahan selepas pembatalan warta.

[115] Kesimpulannya, mahkamah ini berpendapat plaintif telah gagal mematuhi peruntukan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 iaitu tidak menamakan pengkhidmat kerajaan atau agen yang melakukan pencerobohan, kacau ganggu, pecah tugas statutori dan kecuaian sebelum defendan selaku Kerajaan Malaysia bertanggungan. Tindakan plaintif mendapatkan pampasan di bawah s. 10(3) Akta itu berbeza dengan tindakan sekarang.

[116] Secara alternatif, dengan membuat andaian plaintif mematuhi peruntukan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956, mahkamah ini telahpun memperincikan di isu (6), plaintif gagal membuktikan tuntutannya berdasarkan kausa tindakan yang diplidkan.

[117] Mahkamah ini menolak tuntutan plaintif dengan kos sebanyak RM20,000.